



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 15 OKTOBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	MISTERI RIBUAN IKAN GELAMA MUNCUL, INI JAWAPAN JABATAN PERIKANAN, SH, -ONLINE RIBUAN IKAN GELAMA MUNCUL, SINAR NEGERI PAHANG, SH -30 PEMINAT IKAN LAGA PERLU BERDAFTAR DENGAN JABATAN PERIKANAN NEGERI, ASTRO AWANI -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	PADI PULUT: PESAWAH HARAP KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR KAWASAN SAWAH DINAIK TARAF, ASTRO AWANI -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6.	B2O IMPLEMENTATION TO BE LOOKED AT HOLISTICALLY, THE MALAYSIAN RESERVE -ONLINE WEE: PULAU KUKUP SALTED FISH MAKERS SUFFER LOSSES OF RMSMIL, NATION, THE STAR -12	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Misteri ribuan ikan gelama muncul, ini jawapan Jabatan Perikanan



di sekitar daerah ini sebelum ini.

**KUANTAN** - Kemunculan ikan gelama dalam jumlah besar di kawasan pesisir pantai di Kampung Anak Air, Tanjung Lumpur menggemparkan orang ramai dan menarik perhatian ramai pihak selepas tular di media sosial.

Sebahagian pengguna alam maya khususnya menganggap fenomena tersebut sebagai luar biasa berikutan kejadian itu dikatakan tidak pernah berlaku di kawasan pesisir berkenaan.

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, fenomena itu biasa berlaku di kawasan pesisir pantai lain

Menurutnya, beliau tidak menolak kemungkinan ia berpunca daripada peralihan perubahan angin Monsun Timur Laut yang juga musim udang baring bertumpu di pesisir pantai, sekali gus menarik kumpulan ikan gelama dan spesies lain ke pantai berkenaan untuk memakan udang-udang kecil itu.

“Jadi, fenomena ini berlaku mungkin disebabkan faktor makanan ikan-ikan ini selain faktor lain termasuk faktor arus dan keadaan muka bumi kawasan pantai tersebut.

“Kemungkinan kehadiran ikan-ikan gelama ini turut berlaku di pantai-pantai lain tapi jumlahnya mungkin tidak banyak berbanding di kawasan pesisir pantai di Kampung Anak Air,” katanya semalam.

Semalam, kumpulan nelayan pesisir pantai berjaya menaikkan lebih 2 tan ikan gelama sehingga ada beranggapan ia satu fenomena aneh kerana tidak pernah berlaku kemunculan ikan gelama sebanyak itu di kawasan pantai berkenaan.

Kejadian itu turut tular di laman sosial Facebook selepas netizen memuat naik gambar kejadian sehingga kawasan pantai berkenaan seolah-olah menjadi tapak pesta apabila ramai orang turun ke pantai sebaik nelayan pulang untuk mendapatkan ikan berkenaan pada harga borong.

Mengulas lanjut, Azahari berharap orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kejadian dengan cuba mengaitkan fenomena itu dengan petanda bencana alam dan sebagainya.

“Fenomena ini perkara biasa kerana pada Mac lalu ia berlaku di pantai di sekitar Pantai Batu Hitam dan Balok dan mungkin kali ini ia menjadl rezeki nelayan di pesisir pantai ini pula.

“Bagaimanapun, nelayan disarankan agar lebih berhati-hati dengan mengutamakan aspek keselamatan ketika menjalankan aktiviti menarik pukat, begitu juga orang ramai yang datang ke pantai berkenaan,” katanya.

# Ribuan ikan gelama muncul

*Nelayan pesisir pantai Tanjung Lumpur berjaya menaikkan lebih dua tan ikan*

NIK AMIRUL MU'MIN  
NIK MIN

KUANTAN

**K**emunculan ribuan ikan gelama di kawasan pesisir pantai di Kampung Anak Air, Tanjung Lumpur menggemparkan orang ramai selepas tular di media sosial kelmarin.

Dalam tular itu, kumpulan nelayan pesisir pantai berjaya menaikkan lebih dua tan ikan gelama se-

hingga ada beranggapan ia satu fenomena aneh kerana tidak pernah berlaku kemunculan ikan gelama sebanyak itu di kawasan pantai berkenaan.

Netizen turut memuat naik gambar kejadian sehingga kawasan pantai berkenaan seolah-olah menjadi tapak pesta apabila ramai orang turun ke pantai sebaik nelayan pulang untaik mendapatkan ikan berkenaan pada harga borong.

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, fenomena itu biasa berlaku di kawasan pesisir pantai lain di sekitar daerah itu sebelum ini dan tidak menolaknya berpunca daripada peralihan angin Monsun Timur Laut yang juga musim udang baring bertumpu di pesisir pantai

tor makanan ikan-ikan ini selain faktor lain termasuk faktor arus dan keadaan muka bumi kawasan pantai tersebut.

"Kemungkinan kehadiran ikan-ikan gelama ini turut berlaku di pantai-pantai lain tapi jumlahnya mungkin tidak banyak berbanding di kawasan pesisir pantai di Kampung Anak Air," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azahari berharap orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kejadian dengan petanda benca alam dan sebagainya.

"Fenomena ini perkara biasa kerana pada Mac lalu ia berlaku di pantai di sekitar Pantai Batu Hitam dan Balok dan mungkin kali ini menjadi rezeki nelayan di sini pula," katanya.

## Kronologi kemunculan ikan gelama di Kuantan:

**Mac 2019** - Nelayan sekitar Kampung Sungai Karang menggunakan pukat menaikkan lebih dua tan ikan gelama selepas dikesan muncul dalam jumlah yang banyak di pesisir pantai berkenaan.

**November 2017** - Ribuan kilogram ikan gelama berjaya dinaikkan nelayan pantai di sekitar Pantai Batu Hitam dan Balok berikutan musim udang baring.

sekaligus menarik kumpulan ikan gelama ke pantai berkenaan untuk makan udang-udang kecil itu.

"Fenomena ini berlaku mungkin disebabkan fak-



Gambar ikan gelama yang dinaikkan nelayan sebelum dijual secara borong kepada orang ramai yang dikongsi netizen melalui media sosial Facebook kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Peminat ikan laga perlu berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri



**PORT DICKSON:** Peminat ikan laga atau Betta di negeri ini disaran supaya berdaftar dengan Jabatan Perikanan negeri bagi tujuan penyimpanan data dan juga bantuan yang boleh disalurkan jabatan itu, kata Pengarah Perikanan Negeri Sembilan Halimi Abu Hanip.

Beliau berkata ini termasuklah bantuan dalam memberikan kursus kepada mereka dalam aspek penjagaan dan makanan.

"Ini sudah pasti akan dapat mengembangkan lagi industri ikan hiasan ini selain dapat menyuntik semangat keusahawanan, terutama dalam kalangan golongan belia yang didapati menjadi trend sekarang ini sebagai usahawan ikan hiasan ini (Betta).

Sebenarnya ikan Betta Malaysia berpotensi dipasarkan ke luar negara, malah, sudah ada penternak yang berjaya membuat jualan sehingga ke Jerman dan Itali, tetapi bukanlah dengan kuantiti yang besar kerana kebanyakannya dijual secara dalam talian dan menggunakan khidmat kurier," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian penutup Pertandingan Ikan Betta Peringkat Negeri Sembilan 2019 yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Bakri Sawir di Pusat Ikan Hiasan (PIH) di sini.

Mengulas lanjut, beliau berkata ikan Betta atau juga dikenali sebagai 'ikan laga' atau 'pelaga' atau 'pelaga Siam' merupakan ikan hiasan yang cukup popular dan mempunyai ramai peminat di seluruh Malaysia dan luar negara.

"Sektor ikan hiasan sememangnya industri perikanan yang penting dalam negara, selain pengeluaran akuakultur atau pendaratan ikan untuk makanan. Ini kerana sektor khusus untuk penggiat hobi ini telah berjaya mengeluarkan 325 juta ikan pada tahun 2017 sahaja.

"Perkara itu juga sekali gus telah berjaya menjana pulangan yang bernilai RM340 juta kepada pendapatan negara," katanya.

Terdahulu, pertandingan itu dimenangi Muhammad Amirul Aizet Jamaluddin dari Batu Cave, Selangor yang membawa pulang wang tunai RM1,500 dan trofi.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Padi pulut: Pesawah harap kemudahan infrastruktur kawasan sawah dinaik taraf



Menerusi Belanjawan 2020 bertemakan 'Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama', kerajaan akan memperuntukkan RM30 juta untuk penghasilan beras pulut di Langkawi yang dijangka memberi manfaat kepada 1,200 petani. - fotoBERNAMA  
**LANGKAWI:** Dana RM30 juta yang diperuntukkan kerajaan untuk penghasilan beras pulut di pulau ini diharap dapat digunakan untuk menaiktaraf infrastruktur di kawasan sawah terlibat seterusnya membantu penghasilan beras pulut yang berkualiti, demikian pandangan pesawah projek itu.

Mohamad Zuki Ramli, 54, yang memiliki 7.28 hektar (18 ekar) kawasan sawah dalam projek rintis padi pulut di Kampung Ayer Hangat di sini berkata beliau menyertai projek itu sejak Ogos lepas sebagai menyahut seruan

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menggalakkan pesawah di pulau ini menanam padi pulut. "Menerusi peruntukan itu saya harap beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti perbaiki dan bersihkan parit, kawasan bendang perlu diratakan sebelum proses semeian dilakukan dan jentera untuk proses tanam dan tuai perlu ditambah.

"Setakat dua bulan ini saya lihat padi pulut yang disemai awal Ogos lepas mula berbuah dengan agak baik, kita jangka tuai pertama dapat dilakukan akhir Disember nanti," katanya ketika ditemui Bernama di sini, pada Isnin. Selain di Kampung Ayer Hangat, Mohamad Zuki yang lebih 30 tahun mengusahakan sawah turut memiliki tanah seluas kira-kira 3.7 hektar (9.2 ekar) yang ditanam dengan padi biasa di Kampung Padang Lalang.

Semalam, Mohamad Zuki atau lebih dikenali sebagai 'paksu' dalam kalangan penduduk setempat turut diberi peluang bertemu Dr Mahathir, yang juga Ahli Parlimen Langkawi, bagi berkongsi pengalaman serta permasalahan yang boleh diperbaiki dalam projek padi pulut di pulau ini.

Menerusi Belanjawan 2020 bertemakan 'Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama', kerajaan akan memperuntukkan RM30 juta untuk penghasilan beras pulut di Langkawi yang dijangka memberi manfaat kepada 1,200 petani.

Sebagai rekod buat permulaan benih padi pulut varieti Siding yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah disemai di 38.9 hektar daripada 2,038 hektar kawasan yang bakal terlibat dalam projek itu di pulau ini setakat Ogos lepas.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Langkawi Johari Darus juga senada bahawa kemudahan infrastruktur perlu diperbaiki untuk kemudahan pesawah terlibat dan penghasilan beras pulut yang baik.

"Saya lihat beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti mewujudkan kolam takungan air kerana Langkawi sering menghadapi masalah kemarau, naik taraf jalan ladang di kawasan sawah serta baik pulih longkang.

"Pada masa hadapan perlu juga dibina kilang pemprosesan padi kerana ketika ini tiada kilang di pulau ini, biasanya padi akan dikumpul sebelum dibawa ke kilang di Alor Setar. Adalah lebih baik diwujudkan kilang di sini supaya memudahkan padi pulut yang dituai, diproses, dibungkus seterusnya menjadi 'signature' produk Langkawi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/10/2019	THE MALAYSIAN RESERVE	ONLINE	

## B20 implementation to be looked at holistically



THE government plans to increase the demand for palm oil as much as 500,000 tonnes per year, which would lead to the implementation of biodiesel B20 (a blend of 20% palm oil and 80% fossil fuel) at the end of 2020.

Association of Water and Energy Research Malaysia president S Piarapakaran said the use of biodiesel needs to be looked at holistically.

"The government needs to ensure that food and fuel crisis do not arise. Increasing palm oil usage into non-edible and lucrative sectors like fuel will boost crude palm oil demand, but we need to learn from Brazil on this aspect, like ethanol from sugar

cane," he told *The Malaysian Reserve* (TMR).

He added that on increasing biodiesel blend percentage into diesel, the government must ensure that it does not affect vehicle engine warranties.

"Warranty comes with a specific set of fuel quality and type, there should be a detailed policy set on this issue.

"How does the government intend to control a possible hike in crude palm oil price and its impact to edible products which link to costs of living?" he said. Piarapakaran added that saving the palm oil sector's profit percentage should not be at the expense of living costs.

"This is what it means by food or fuel crisis," he said.

In Budget 2020, the government has allocated RM27 million to support the efforts of the Malaysian Palm Oil Board in expanding the international palm oil market and addressing the anti-palm oil campaign by the European Union and the US.

It has also launched a loan fund for oil palm replanting worth RM550 million for smallholders without collateral at a 2% interest rate per year.

The loan term is 12 years, including a four-year moratorium on repayment.

The replanting will be carried out using the latest techniques and in compliance with the Malaysian Sustainable Palm Oil standards to ensure better productivity and marketability.

Meanwhile, the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MoA) has received an allocation of RM4.9 billion, where RM3.5 billion is for operations and RM1.4 billion for development.

According to the MoA, the allocation increased by 10.9% from last year, with focus points will include allowance and schemes for farmers and fishermen, as well as modernisation to increase their productivity.

Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi Beras (Padi Rescue) secretary and coordinator Nurfitri Amir Muhammad said while the increase in allocation is a normal annual occurrence, the real issue remains.

"Some of the issues that we face (at Padi Rescue) include the late arrival of fertilisers and the seeds cannot be found easily in the market, especially subsidised seeds.

"There are some presumptions that were made such as the distributors' trick to increase their prices and sell these materials in the black market, forcing farmers to buy anyway since it's already the planting season, but at a higher price," he told TMR.

He added that Padi Rescue is grateful for the move to increase workers' allowance as it was cut in Budget 2019.

"Previously, the people involved in agriculture works made noise about this, and we are glad that Finance Minister Lim Guan Eng noticed," he said.

Under the paddy sector, RM855 million has been allocated including for "Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan" and "Skim Insentif Pengeluaran Padi", the continuation of paddy subsidy and RM30 million to produce pulut paddy in Langkawi, Kedah.

In addition, RM152 million has been allocated for fishermen, including the raise of fishermen living cost allowance from RM200 to RM250.

Some RM43 million was allocated for the development of better plant variants for the Farming Industry 4.0, while RM150 million has been channelled to encourage plant integration programmes for chilli, pineapple, coconut, watermelon and bamboo.

MoA said the allocations for 2020 showed that the nation's agrofood sector is receiving more attention from the government and will be developed further to ensure food supply.

"In line with the 2030 Shared Prosperity Vision, the 2020 budget for MoA should help increase the income of farmers, livestock and fishermen.

"It also serves as a catalyst for the 12th Malaysia Plan and Policy National Agenda 2.0," the ministry said.

## Wee: Pulau Kukup salted fish makers suffer losses of RM5mil

SEVENTY-SIX salted fish manufacturers in Pulau Kukup suffered losses amounting to about RM5mil after approximately 100 tonnes of fish died from an unknown reason, says Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong.

The Ayer Hiram MP said he found out about the issue after he made a recent visit to the mangrove swampland areas in Pulau Kukup in

Tanjung Piai.

The MCA president pointed out that the issue was raised by the salted fish manufacturers to the Agriculture and Agro-based Industry Minister, but it was merely dismissed as a normal phenomenon.

"The minister couldn't do anything, they treated it as a normal phenomenon because fishes

merely died.

"Most importantly, what should have been done by Pakatan Harapan government is to find out how to help those who are facing the problem, and how the government intends to address this," he said.

Dr Wee interjected, when Opposition leader Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob was delivering his speech on

Budget 2020 yesterday.

Dr Wee pointed out that the river was polluted by a high amount of "Biochemical Oxygen Demand", which he said were circumstances beyond the control of fishermen.

"Was this caused by the pollution in Sungai Kim Kim? They have lost their source of livelihood.

"We must help the 76 people. This

is the source of livelihood for their families," he said.

Ismail Sabri, who is also the former agriculture and agro-based industry minister, said the government should have a long- and short-term solution to address this issue.

"There are no specific or clear programmes to help these fishermen," he added.